

# Tawar gaji RM800 sehari


Lumut

**P**olis menahan 83 individu selepas disyaki terbabit dalam sindiket penipuan dalam talian menerusi beberapa serbuan di sekitar daerah Manjung Isnin lalu.

Ketua Polis Perak Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata individu terbabit terdiri daripada 59 lelaki dan 14 wanita tempatan serta 10 warga China termasuk seorang wanita berumur antara 17 hingga 54 tahun.

“Modus operandi yang dilakukan oleh sindiket terbabit adalah dengan menawarkan penipuan tiket wayang yang disiarkan di Hong Kong dan menawarkan pekerjaan tidak wujud dengan tawaran gaji mencecah RM800 sehari.

“Sindiket ini dipercayai menjalankan beberapa jenis aktiviti penipuan dan menyasarkan mangsa di luar negara,” katanya pada sidang



MIOR Faridalathrash menunjukkan gambar suspek yang ditahan pada sidang media.

media berkaitan kejayaan tangkapan terbabit di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung di sini, kelmarin.

Beliau berkata hasil siasatan mendapati sindiket ini sudah beroperasi di lokasi berkenaan selama dua bulan dengan menjadikan inap desa di kawasan itu

sebagai pusat operasi panggilan dan penginapan pekerja termasuk yang baru direkrut.

“Siasatan awal turut mendapati sindiket ini memiliki beberapa kumpulan yang dipecah kepada beberapa pusat panggilan yang menjalankan penipuan dalam

talian berlainan mengikut modus operandi diberikan.

“Kes disiasat di bawah kesalahan melakukan tipu di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan Seksyen 120B Kanun Keseksaan,” katanya dan menambah kesemua yang ditahan telah direman tiga hari,” katanya.



Mior Faridalathrash berkata dalam serbuan itu juga polis turut merampas antaranya dua kereta Mercedes dan Perodua Myvi, telefon bimbit pelbagai jenis, komputer riba dan wang tunai yang semuanya dianggarkan bernilai hampir RM800,000.